



**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL
PEKELILING MAJIKAN BIL 2 TAHUN 2021
PROGRAM PRIHATIN KEHILANGAN PEKERJAAN (SIP PRIHATIN)
SISTEM INSURANS PEKERJAAN (SIP), PERKESO
DI BAWAH BELANJAWAN 2021**

1. TUJUAN

- 1.1** Pekeling Majikan ini adalah untuk memaklumkan mengenai pelaksanaan Program Prihatin Kehilangan Pekerjaan (SIP PRIHATIN) kepada pekerja yang telah berdaftar atau mencarum di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (AKTA 800) dan mengalami kehilangan pekerjaan (LOE) di bawah Belanjawan 2021

2. LATAR BELAKANG

- 2.1.** Program Prihatin Kehilangan Pekerjaan (SIP PRIHATIN) telah diumumkan di bawah Belanjawan 2021 oleh YB Menteri Kewangan untuk membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan yang terkesan akibat Pandemik COVID-19 sebagai bantuan segera bagi meneruskan kelangsungan hidup di samping berusaha mencari peluang pekerjaan baharu.
- 2.2.** Kehilangan pekerjaan (LOE) yang dimaksudkan adalah sebagaimana yang ditafsirkan di bawah Seksyen 30 Akta 800. Pekerja juga dikehendaki memenuhi bilangan caruman mengikut syarat kelayakan caruman (CQC) dan menyertai program penempatan pekerjaan semula bagi melayakkan mereka

mendapat faedah.

- 2.3.** SIP PRIHATIN juga bertujuan untuk membantu pekerja yang mengalami LOE termasuk LOE yang ditafsirkan sebagai yang habis tempoh kontrak perkhidmatan sekurang-kurangnya 12 bulan dan pernah diperbaharui sekurang-kurangnya 3 kali dan juga bagi pekerja yang tidak memenuhi syarat kelayakan caruman minima.

3. LIPUTAN PROGRAM SIP PRIHATIN

- 3.1.** Tempoh **SIP PRIHATIN** adalah mulai 1 Januari sehingga 31 Disember 2021. Program ini hanya meliputi pekerja yang kehilangan pekerjaan (LOE) mulai 1 Julai 2020 sehingga 31 Disember 2021.
- 3.2.** Tempoh akhir memohon EMP pertama bagi LOE yang berlaku pada 31 Disember 2021.
- 3.3.** Pekerja boleh membuat permohonan untuk setiap tuntutan EMP apabila memenuhi Program Pencarian Pekerjaan Semula (REPP) dalam tempoh masa 30 hari dari tarikh kelulusan EMP sebelumnya.
- 3.4.** Di bawah program ini, Elaun Mencari Pekerjaan (EMP) diberi selama 6 bulan dimana kadar layak menuntut yang asal adalah 80%, 50%, 40%, 40%, 30%, 30% telah ditambah kepada 80%, 50%, 50%, 50%, 50%, 50%.
- 3.5.** Di bawah program ini tempoh penerimaan EMP di bawah SIP PRIHATIN telah dilanjutkan dengan tambahan 3 bulan EMP pada kadar tambahan 30%. Ini bermakna tempoh keseluruhan pembayaran EMP di bawah SIP PRIHATIN adalah selama di antara

3 hingga 9 bulan.

- 3.6. Penentuan LOE dan jenis pembayaran faedah di bawah SIP PRIHATIN akan ditentukan oleh PERKESO.
- 3.7. Walaubagaimanapun bagi LOE yang berlaku kerana habis tempoh kontrak perkhidmatan sekurang-kurangnya 12 bulan dan pernah diperbaharui sekurang-kurangnya tiga kali atau tidak memenuhi syarat kelayakan caruman (CQC) minima sekurang-kurangnya 12 bulan **HANYA** layak menerima bantuan kewangan SIP PRIHATIN **sebanyak 30% selama 3 bulan**.
- 3.8. Pekerja hendaklah menyertai Program Penempatan Pekerjaan Semula (REPP) bagi melayakkan mendapat bayaran EMP di bawah SIP PRIHATIN.
- 3.9. Pekerja boleh membuat rayuan berkenaan soal LOE kepada Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial (JRKS) kecuali berkaitan bantuan kewangan SIP PRIHATIN.
- 3.10. Persoalan berkaitan penolakan bantuan kewangan SIP PRIHATIN boleh dirayu kepada PERKESO melalui pautan: **bit.ly/AduanSIP**

4. TATACARA PERMOHONAN

- 4.1 Permohonan LOE boleh dilakukan di Portal Faedah SIP melalui pautan: <https://eis.perkeso.gov.my>
- 4.2 Maklumat dan dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:

i. Dokumen Utama

- a. Salinan kad pengenalan
- b. Salinan surat pemberhentian kerja (termasuk VSS, MSS atau seumpamanya)
- c. Salinan penyata gaji (6 bulan kebelakang sebelum bulan kehilangan pekerjaan)
- d. Salinan penyata gaji bulan kehilangan pekerjaan (jika ada).
- e. Salinan Penyata Nombor Akaun Bank Pemohon

ii. Dokumen sokongan.

- a. Salinan laporan polis (contoh gangguan seksual, ugutan dsb.)
- b. Salinan bukti arahan yang diberikan bagi kerja-kerja berbahaya bukan dalam skop kerja mengikut kontrak.
- c. Lain-lain dokumen bukti berkaitan dengan kes.

- 4.3** Bagi pekerja yang tidak mempunyai dokumen-dokumen seperti di perenggan **4.2 (i)(b, c, dan d)**, pekerja boleh membuat pengisyiharan diri (self-declaration) di Portal Faedah SIP semasa membuat permohonan.
- 4.4** Manakala bagi permohonan kedua sehingga permohonan kesembilan (bagi mereka yang layak), pekerja hendaklah membuat log masuk ke Portal Faedah SIP dengan menggunakan ID pendaftaran (diberi semasa permohonan pertama) dibuat secara bulanan melalui pautan yang sama di bawah tajuk 'Borang-Borang'. Sila pilih Borang EMP.
- 4.5** Setiap permohonan tuntutan EMP kedua dan seterusnya hendaklah mengemukakan bukti pencarian pekerjaan dan perlu dimuatnaik ke dalam Portal Faedah SIP.

- 4.6 Sekiranya pekerja itu telah kembali bekerja dan melapor diri semasa menerima faedah EMP, hendaklah mengisi Borang Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA) untuk mendapat EBSA.
- 4.7 Bayaran EBSA di bawah SIP PRIHATIN tidak mengambil kira tempoh lanjutan dengan tambahan tiga bulan EMP pada kadar tambahan 30% (3 bulan).

5. PEMAKAIAN

Permohonan EMP yang pertama di bawah SIP PRIHATIN boleh dilakukan secara atas talian di Portal Faedah SIP (<https://eis.perkeso.gov.my>) mulai **1 Januari 2021 dan berakhir pada 31 Disember 2021.**


6. PERTANYAAN

- 6.1 Sebarang pertanyaan, sila hubungi Pegawai Perkhidmatan Pelanggan di talian **1-300-22-8000** atau layari laman sesawang **eiscentre.perkeso.gov.my**
- 6.2 Sebarang rayuan terhadap penolakan tuntutan bantuan SIP PRIHATIN boleh dibuat kepada PERKESO melalui pautan: **bit.ly/AduanSIP**
- 6.3 Rayuan berkaitan bantuan SIP PRIHATIN tidak boleh dibuat kepada **Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial (JRKS)** kerana program ini bukan suatu faedah di bawah Akta 800.

7. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Majikan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2021 sehingga tamat Program SIP PRIHATIN dan sebarang perubahan bagi maksud pekeliling ini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


(DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED)

Ketua Eksekutif

Pertubuhan Keselamatan Sosial

Tarikh: 7 Januari 2021